

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN

DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

**DARIPADA : Y.B. TUAN TONY PUA KIAM WEE
(PETALING JAYA UTARA)**

PERTANYAAN : BERTULIS

Y.B. TUAN TONY PUA KIAM WEE [PETALING JAYA UTARA] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan kesan pengurangan perbelanjaan pengurusan, kenaikan defisit dan kadar pertumbuhan KDNK yang lebih rendah dalam semakan baru Bajet 2015 kepada anggaran jumlah pinjaman Kerajaan Persekutuan dan nisbahnya berbanding KDNK Malaysia.

JAWAPAN

Berikutan penurunan ketara harga minyak mentah dunia pada suku keempat tahun 2014, Kerajaan telah menyemak semula andaian harga purata minyak mentah Brent bagi tahun 2015 daripada USD100 setong

kepada USD55 setong. Oleh itu, hasil Kerajaan Persekutuan dijangka berkurang sebanyak RM13.8 bilion daripada anggaran asal. Justeru, Kerajaan telah menyemak semula sasaran paras defisit 2015 daripada RM35.7 bilion kepada RM37 bilion atau sebagai peratusan Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) daripada 3% kepada 3.2%.

2. Bagi menampung peningkatan jumlah defisit hampir RM1.4 bilion ini, program pinjaman Kerajaan Persekutuan bagi tahun 2015 juga telah diselaras semula dan akan diperoleh dari sumber domestik. Dengan mengambil kira penambahan kecil pinjaman bagi membiayai defisit disemak, kedudukan hutang bagi tahun 2015 dianggarkan kekal di bawah paras 55% daripada KDNK. Pada masa yang sama, program pembiayaan Kerajaan Persekutuan tidak akan menyebabkan *crowding-out* di dalam pasaran kewangan domestik memandangkan kecairan yang tinggi dalam pasaran.